

# Rancangan Menghancurkan Masjid al-Aqsa

Di dalam Majalah Qalam bilangan 205 keluaran bulan Ogos 1967 yang lalu kita ada menyiarkan suatu berita yang menggemparkan dunia Islam yang berjudul “ Israel bersedia meruntuhkan Masjid al-Şakhrah di Bait-ul Maqdis” yang kita kutip dari surat khabar Okaz – Makkah al mukaramah

Dalam Majalah Qalam bilangan 208 ini kita dapat pula menyiarkan suatu berita yang lebih menggemparkan yaitu berita tentang rancangan Israel untuk meruntuhkan Masjid al-Aqsa – Kiblat Islam yang pertama – dan di atas runtuhannya akan dibina sebuah gereja Yahudi, yang mana berita tersebut kita terjemahkan dari majalah “The Muslim” yang diterbitkan di London keluaran bulan Oktober 1967 – Pengarang.

Terjemahan : Haili Zayyan Edrus

Sedang Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu berbicara tentang keputusan Mesyuarat Agung pada 4 Julai 1967 berkenaan dengan segala perubahan tentang kedudukan “ Baitul Maqdis” yang dianggap tidak sah itu, serta menyuruh Israel membatalkan sebarang tindakan, negara Yahudi itu dengan perlahan-perlahan serta dengan tipu helah mereka telah meneruskan rancangan untuk menghancurkan kiblat Islam yang pertama itu dan membina sebuah gereja Yahudi sebagai gantinya.

‘The Christian’ dan ‘Christianity Today’ sebuah majalah akhbar keagamaan yang sangat luas pengedarannya, dalam bilangan 4 keluaran bulan Ogos, 1967 telah melaporkan bahawa, ‘ pembinaan sebuah gereja di Baitul Maqdis adalah merupakan suatu ancaman.’ Michael Wall, seorang wartawannya di kawasan Timur Jauh melaporkan bahawa sebanyak 500 buah kereta berlandasan telah membawa batu-bata yang sudah siap diukur tepat dengan perinciannya, dari Bedford. Satu pengangkutan telah pun

dihantar ke Israel. Pengangkutan ini diselenggarakan oleh Pier 26 di New York.

Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai, dari Salesberk, Indiana, Amerika Syarikat, laporan itu meneruskan bahawa batu-bata untuk gereja yang ketiga telah pun sampai di Israel. Khabar-khabar angin yang terang dari pihak yang boleh dipercayai menyatakan bahawa dua batang tiang untuk gereja itu telah pun ditempa dari tembaga. Dengan mencontohi gereja(Haikal) Raja Sulaiman tiang-tiang itu akan diberi nama, *Jachin* (Tuhan ‘*Jehovah*’ akan mewujudkannya) dan *Aboz*<sup>1</sup> (padanya kekuasaan). Adalah dipercayai bahawa Yahudi-yahudi dari Amerika yang bertanggungjawab membiayai segala rancangan ini dengan secara sulit, dan dengan senyap persiapan-persiapan untuk gereja ini telah pun berjalan selama 7 tahun.

Seyogia diingatkan bahawa gereja yang pertama telah dibina oleh Raja Sulaiman pada tahun Masihi<sup>2</sup> 940 dibinasakan

pula oleh Nebuchadnezzar (Bukhtanasar) setelah 350 tahun kemudian. Setelah dibina pula oleh Zerubbabel yang kemudiannya dianggap oleh orang-orang Yahudi sebagai nabi yang dijanjikan. dalam tahun Masihi 64, sebaik sahaja selesai Raja Herod memulihkan binaan gereja itu orang-orang Rom pula telah membakarnya sehingga hancur sama sekali, lalu mereka memindahkan alat-alat kelengkapan gereja itu ke Rom.

Sejak itu dan selama 2,000 tahun orang-orang Yahudi diceraiberaikan, mereka telah berazam untuk merampas semula Baitul Maqdis dan menegakkan sebuah gereja untuk mereka di situ. Pada tiap-tiap tahun ketika mereka meraikan hari kebesaran mereka dengan kenduri, pekikan mereka sentiasa berbunyi “.....” – yang bermakna: “Di tahun hadapan kita di di Baitul Maqdis.” Bukan sahaja bermaksud untuk menguasai negeri itu tetapi juga mereka bercita-cita untuk menjadikan Masjid al-Aqsa (bersambung di muka 26)

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah *Boaz*

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah Sebelum Masihi.